

02 DEC 1999

Mahathir-Timor

TIMOR TIMUR AKAN JADI JIRAN, SUKA ATAU TIDAK, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Sambil menyeru supaya diwujudkan struktur keselamatan serantau se-Asia yang diperhalusi semula, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Timor Timur akan menjadi sebuah negara jiran sama ada mereka suka atau tidak.

"Memandangkan betapa pentingnya keamanan dan keharmonian di kawasan ini, saya ingin menyeru supaya diwujudkan struktur keselamatan serantau yang diperhalusi semula yang akan melibatkan setiap negara di Asia," katanya.

"Satu struktur keselamatan yang jelas dan tetap boleh membantu menjimatkan sumber yang banyak, meminimumkan pertindihan yang tidak perlu dan pada masa yang sama menjalinkan kerjasama yang lebih rapat antara negara-negara," kata beliau dalam ucap utama pada Persidangan Antarabangsa Aeroangkasa dan Maritim yang diadakan bersempena pameran Lima '99 di sini.

Beliau berkata sebagai komuniti yang terjalin rapat dengan kebudayaan, nilai dan pemikiran yang serupa, "kita di Asia Tenggara menyedari bahawa apa yang berlaku di sesebuah negara jiran akan memberi kesan kepada kita dan kawasan lain di rantau ini."

Dengan mengambil kira hakikat itu dan menyedari betapa pentingnya untuk mengekalkan keamanan di rantau ini, Malaysia memutuskan untuk menyertai misi pengaman di Timor Timur yang, "sama ada kita atau mereka suka atau tidak, akan menjadi jiran kita."

Pameran Lima selama enam hari yang menarik penyertaan kira-kira 1,000 syarikat tempatan dan luar negara itu dibuka oleh Dr Mahathir semalam. Bahagian maritim dianjurkan oleh HW LIMA manakala bahagian aeroangkasa oleh LIMA Le Proton.

Dr Mahathir berkata dalam dunia yang saling bergantung antara negara-negara, Malaysia tidak boleh membiarkan jiran-jirannya yang telah memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi apabila diperlukan, dan yang bersama-sama merasa gembira pada masa mencapai kejayaan.

"Perlu diingat bahawa pasukan pengaman tidak bermaksud untuk mencampuri hal ehwal dalaman sebuah negara lain atau untuk menunjukkan kekuatan ketenteraan sesebuah negara.

"Tujuannya ialah semata-mata untuk menghasilkan keamanan dan keharmonian yang berkekalan," kata Perdana Menteri.

"Sebarang percubaan oleh mana-mana negara untuk menunjukkan kekuatan ketenteraannya dengan secara aktif menyokong atau merosakkan negara lain di rantau ini daripada segi politik atau ekonominya adalah tindakan yang mesti dikutuk," katanya.

Mengikut laporan berita, pasukan permulaan kira-kira 100 anggota telah dihantar untuk berkhidmat dengan pasukan Interfet yang dipimpin oleh Australia di Timor Timur, dan Malaysia telah melahirkannya untuk menghantar kontinjen sekurang-kurangnya 1,500 anggota serta peralatan bagi pasukan pengaman yang seterusnya.

"Memandangkan betapa pentingnya keamanan dan keharmonian di kawasan ini, saya ingin menyeru diwujudkan suatu struktur keselamatan serantau yang diperhalusi semula yang akan melibatkan setiap negara di Asia.

"Suatu struktur yang jelas dan tetap boleh membantu menjimatkan sumber yang banyak, mengurangkan pertindihan yang tidak perlu dan pada masa yang sama menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih rapat antara negara-negara," katanya.

Dr Mahathir berkata China dan Jepun boleh bersama-sama membantu

memastikan keamanan dan kestabilan di rantau ini, sesuatu yang tidak sahaja akan mengurangkan perbelanjaan yang membazir bagi persenjataan tetapi juga akan meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara negara serantau.

Beliau berkata penyelidikan mengenai keperluan penjagaan keamanan hendaklah memberi tumpuan bukan kepada kemungkinan konflik ketenteraan antara negara-negara tetapi juga kepada usaha menjamin laluan laut dan ruang udara bebas daripada kegiatan lanun dan rampasan pesawat.

Tumpuan juga patut diberikan kepada penyelidikan mengenai peralatan yang lebih baik bagi gerakan mencari dan menyelamatkan dan gerakan melawan kebakaran merentasi sempadan, serta bagaimana menjadikan pengangkutan barangan dan penumpang lebih selamat, katanya.

-- BERNAMA

GM RM NMO